

BAB 3

Institusi Pendidikan MARA

Latar Belakang Pendidikan MARA

Objektif institusi pendidikan MARA ialah untuk menambah bilangan Bumiputera yang terlatih, berkelayakan dan berkemahiran untuk mengisi keperluan sektor perdagangan dan perindustrian negara. Struktur pentadbiran institusi pendidikan MARA boleh dilihat dalam Rajah 3. Merujuk kepada Rajah 3, Institusi Pendidikan MARA diketuai oleh Ketua Pengarah MARA. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan pula diberi tugas khas bagi pihak Ketua Pengarah untuk mengawasi institusi pendidikan MARA. Bahagian-bahagian institusi pendidikan MARA ialah Bahagian Kemahiran, Bahagian Penganjuran Pelajaran, Bahagian Pelajaran Komersil, Bahagian Pelajaran Menengah dan Bahagian Pembangunan Sumber. Tiap-tiap bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah. Bagaimanapun Pengarah tersebut bertanggungjawab ke atas Ketua Pengarah MARA.

Setiap bahagian mempunyai peranan tertentu dalam memberi kemudahan pendidikan dan latihan kepada masyarakat Bumiputera. Setiap bahagian dalam institusi pendidikan MARA seperti Bahagian Pelajaran Menengah,¹ Bahagian Latihan

¹ Bahagian Pelajaran Menengah bertanggungjawab mengurus persekolahan anak-anak Bumiputera dalam bidang akademik. Di bawah kawalannya ialah Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Matrikulasi dengan kerjasama beberapa universiti tempatan. Falsafah di belakang pengujudan Bahagian ini ialah untuk menanam minat di kalangan pelajar Bumiputera terhadap Sains dan Teknologi serta mengujudkan individu yang berfikiran dinamis, bebas serta bertanggungjawab. *Penyata Tahunan MARA 1975*, hlm. 11.

Kemahiran,² Bahagian Penganjuran³ dan Pelajaran Komersil⁴ di kawal peruntukan belanjawan dan pengurusan oleh Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Pengawalan ini dibuat untuk menyelaraskan perancangan pembangunan dan pengurusan. Soal-soal kurikulum, setiap bahagian institusi pendidikan mempunyai kuasa autonomi yang tersendiri, tetapi setiap dasar yang dibuat mestilah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah MARA.

Rajah 3 juga menunjukkan program² pendidikan yang dianjurkan oleh institusi pendidikan MARA. Program institusi pendidikan MARA boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu program akademik, program latihan kemahiran dan program penganjuran dan program biasiswa dan pinjaman.


² Program Latihan Kemahiran ini dianjurkan dengan tujuan untuk melengkapkan para belia Bumiputera dengan ilmu pengetahuan kemahiran supaya mereka boleh berdikari dan bersedia menceburkan diri dalam lapangan perusahaan dan perniagaan di samping membantu mengatasi masalah kekurangan di sektor awam dan swasta. Latihan diberikan menerusi tiga cara iaitu latihan di Institusi Kemahiran MARA (IKM), Pusat Giat MARA (PGM) dan Latihan Sambil Kerja di bengkel-bengkel kerajaan dan di firma-firma. *Laporan Tahunan MARA 1975*, hlm. 10.

³ Kegiatan yang dijalankan di bawah program ini memainkan peranan penting ke arah menambah bilangan Bumiputera yang terlatih dan meninggikan mutu latihan di dalam berbagai bidang pengajian. Kegiatan ini dijalankan melalui dua unit iaitu unit Biasiswa Pinjaman dan unit Kerjaya. Unit Biasiswa Kerjaya menguruskan pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan di luar. Unit Kerjaya pula memberi bimbingan mengenai pilihan dan bentuk kerjaya seseorang pelajar. Ini dilakukan melalui sebaran am, bimbingan perseorangan, melalui surat, ceramah ke sekolah-sekolah dan penerbitan. *Laporan Tahunan MARA 1975*, hlm. 10.

⁴ Pelajaran komersil diuruskan oleh Institut Perdagangan MARA (IPM) yang ditubuhkan pada bulan Mei 1977. Tujuan asal IPM diwujudkan adalah untuk membantu calon-calon Bumiputera memenuhi kuota yang diperuntukkan khasnya dalam kerja-kerja di bidang akaun dan simpangkira, di sektor swasta dan badan-badan berkanun serta kerajaan. Bagi memenuhi kehendak sosio ekonomi semasa, matlamat IPM ialah tertumpu kepada penambahan bilangan Bumiputera dalam sektor swasta dan awam dalam bidang pentadbiran, pengurusan dan professional, serta penambahan kelulusan akademik cemerlang di kalangan Bumiputera. *Prospektus Institut Perdagangan MARA, Disember 1995*.

Rajah 3

Struktur Pentadbiran
Institusi Pendidikan MARA



Sumber: Unit Perhubungan Korporat MARA

Berdasarkan Rajah 3, Bahagian Pelajaran Menengah mengendalikan program pendidikan di Maktab Rendah Sains MARA dan Pusat Matrikulasi. Bahagian Latihan Kemahiran pula mengendalikan Institut Kemahiran MARA dan Pusat Giat MARA.

Bahagian Penganguran pula mengendalikan program biasiswa dan pinjaman samada di dalam dan di luar negara. Bahagian Pelajaran Konsil pula mengendalikan Institut Perdagangan MARA.

Institut-institut Pendidikan MARA ini mempunyai perancangan yang tersendiri untuk mencapai matlamat masing-masing, agaimanapun ia tertakluk dengan Ketua Pengarah MARA sebagai ketua induk organisasi MARA. Institut Pendidikan MARA ini disokong oleh Bahagian Perkhidmatan MARA yang bertanggungjawab terhadap soal-soal pentadbiran harian, kakitangan dan swangan MARA.⁵

Dalam Rajah 3, ITM tidak dimasukkan dalam program pendidikan MARA. Ini kerana pentadbiran ITM sentiasa bertukar agensi, sesuai dengan perkembangan semasa. Pada mulanya ITM dibawah pentadbiran RIDA yang dikenali dengan nama Dewan Latihan RIDA. Setelah MARA diasaskan, Dewan Latihan RIDA diubah nama kepada Maktab MARA.⁶ Maktab MARA dikendalikan oleh Bahagian Latihan MARA dan secara langsung pula Maktab MARA dibawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Maktab MARA kemudiannya diubah nama kepada Institut Teknologi MARA (ITM) pada 14.10.1967. Pada tahun 1970, ITM berpecah dari pentadbiran MARA untuk memberi kedudukan istimewa pada ITM. Justeru itu, untuk mentadbir ITM, sebuah Majlis Pentadbir yang ahlinya dilantik oleh MARA telah ditubuhkan. Dengan cara ini MARA yakin institut ini akan dapat berjalan

⁵ Laporan Tahunan MARA 1975, hlm. 6.

⁶ Paridah Abd. Samad, *Tun Abdul Razak, A Phenomenon In Malaysian: A Political Biography*, Affluent Master Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 219.

⁷ Penyata Tahunan MARA 1970.

dengan licin untuk mengeluarkan ramai. Bumiputera yang terlatih dalam bidang profesional. Walaupun badan bebas yang dilantik oleh MARA untuk mengendalikannya, ITM masih lagi di bawah tanggungjawab MARA. Pada Jun 1976, Akta ITM telah diluluskan yang memberikuasa kepada Kementerian Pendidikan mengendalikan ITM. Berkuatkuasa dengan Akta ini, ITM yang menjadi anak emas MARA telah terlepas ke tangan Kementerian Pendidikan. Pada tahun 1979, pentadbiran ITM diberi kuasa oleh Kementerian Pendidikan sebagai kuasa autonomi dan ditadbir oleh ahli majlisnya sendiri.⁸

Bahagian Pelajaran Menengah

Peringkat yang paling rendah MARA melibatkan diri dalam arus pendidikan negara ialah di peringkat sekolah menengah. Tujuan MARA menerokai bidang pendidikan menengah ialah untuk mengisi kekosongan pelajar Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi. Diharapkan dengan adanya Bahagian Pelajaran Menengah MARA (BPM), maka dapatlah MARA mendidik pelajar-pelajar Bumiputera di peringkat awal untuk meminati bidang sains dan teknologi. Matlamat BPM ialah memberikan pendidikan bermutu mirip kepada sains dan teknologi di peringkat menengah dan pra-universiti. Untuk tujuan ini, maka MARA melalui BPM telah menujuhkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM).

⁸ Paridah Samad, op.cit, hlm. 221.

Konsep MRSM

Selaras dengan kehendak dan keperluan negara, sebuah institusi pendidikan menengah bergelar MRSM telah dimulakan pada tahun 1972.⁹ Lahirnya MRSM adalah bertujuan untuk menambah dan memperlengkapkan lagi kemudahan-kemudahan persekolahan menengah berasrama penuh yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Inisiatif ini ialah sebagai satu usaha untuk memperbanyakkan lagi bilangan pelajar Bumiputera terutama dari kawasan luar bandar yang mempunyai harapan untuk maju di dalam bidang sains dan teknologi tetapi tidak mendapat rahmat kemudahan-kemudahan sempurna.¹⁰

Rancangan pendidikan MRSM ini bergerak atas landasan mendapatkan pelajar Bumiputera yang layak mengikuti pelajaran tinggi, khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Hasrat ini hanya akan tecapai jika sekiranya pelajar-pelajar diberi pendedahan awal setidak-tidaknya di peringkat Tingkatan 1 lagi terhadap kepentingan sains dan nilai-nilai yang dapat disumbangkannya untuk faedah manusia amnya. Dengan pendedahan

⁹ *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 7.

¹⁰ *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 7, lihat juga *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1977/1978*, hlm. 4.

awal ini, MARA berkeyakinan pelajar-pelajar didikannya akan terdorong menceburkan diri di dalam profesion yang berunsur sains dan teknologi.¹¹

Sejarah Dan Latarbelakang MRSM.

Maktab Rendah Sains MARA ditubuhkan sebagai satu daripada usaha perlaksanaan objektif MARA dalam bidang Latihan dan Pendidikan seperti terkandung dalam Akta Majlis Amanah Raya Bil. 20, Tahun 1966. Maktab ini dirancangkan untuk memberi kemudahan pelajaran di peringkat menengah kepada Bumiputera yang cemerlang dari segi akademik di peringkat sekolah rendah.

Gagasan penubuhan MRSM bermula dari Bahagian Latihan MARA sejak tahun 1968.¹² Cadangan ini telah timbul kerana didapati pada masa itu bilangan penuntut Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi sangat berkurangan. Hasil kesedaran ini, usaha telah dibuat ke arah menubuhkan MRSM setelah mendapat persetujuan daripada pihak kerajaan pada tahun 1970.¹³ Falsafah di belakang penubuhan MRSM ialah untuk menimbulkan kecederungan yang mendalam terhadap proses-proses saintifik dan cara mengkaji proses ini di kalangan penuntut Bumiputera. Di samping memupuk minat dan kecederungan terhadap pengajian bercorak sains, MRSM juga bertujuan

¹¹ *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1977/1978*, hlm. 4.

¹² *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1994/1995*, hlm. 7.

¹³ *Ibid*, hlm. 7.

menyediakan bidang pendidikan yang serba lengkap ke arah pembentukan peribadi yang menyeluruh ke atas seseorang penuntutnya.¹⁴

Pada tahun 1971, pembinaan MRSM yang pertama dimulakan di Seremban, Negeri Sembilan. Pada tahun-tahun berikutnya, maktab-maktab lain pula dibina hingga ke tahun 1994, MARA mempunyai 19 buah MRSM di seluruh negara.

MRSM Seremban (1972).

MRSM sulung ini pada permulaanya telah menempatkan seramai 150 orang pelajar dan 10 orang tenaga pengajar.¹⁵ MRSM ini terletak di Lorong Green, Seremban dan mula peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE) kepada pelajar-pelajarnya dalam tahun 1974 dan peperiksaan Malaysian Certificate of Education (MCE) dalam tahun 1976. MRSM Seremban telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 4hb. Ogos 1975.¹⁶ (lihat Foto 2 : Bangunan MRSM Seremban pada tahun 1971)

¹⁴ *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 7.

¹⁵ *Ibid*, hlm. 7.

¹⁶ *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1977/1978*, hlm. 3.

Foto 2: Bangunan MRSM Seremban



MRSK Kota Bharu (1973)

MRSK Kota Bharu ialah MRSK kedua yang dibina oleh MARA yang terletak di Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Maktab ini mengambil kumpulan pelajarnya yang pertama pada tahun 1973, menawarkan peperiksaan LCE untuk kali pertama pada tahun 1975 dan peperiksaan MCE (Sijil Peperiksaan Malaysia) dalam tahun 1977. Maktab ini dibuka dengan rasminya oleh Yang Teramat Mulia Pemangku Raja pada 12hb Ogos 1975.¹⁷

¹⁷ *Ibid.* hlm. 3.

MRSM Kuantan (1974)

MRSM Kuantan ialah MRSM ketiga yang dibina oleh MARA pada tahun 1974¹⁸ dan terletak di Alor Akar, Kuantan. Mula mengambil pelajar pada tahun 1974, namun begitu pembinaan sepenuhnya siap pada tahun 1978. Maktab ini menawarkan peperiksaan LCE penuh (SRP) mulai tahun 1976 dan pada tahun 1978, pelajar-pelajarnya menduduki peperiksaan MCE/SPM untuk kali yang pertama.

MRSM Kulim (1977)

MRSM Kulim ialah MRSM keempat yang dibina oleh MARA pada tahun 1977. Pengambilan pelajar pertamanya pada tahun 1977 dan pelajar sulungnya mengambil LCE/SRP pada tahun 1979 dan SPM pada tahun 1980.

MRSM Kuala Terengganu (1978)

MRSM yang kelima yang dibina oleh MARA ialah MRSM Terengganu pada tahun 1978 di Wakaf Tengah, Kuala Terengganu. Sesi pengambilan pelajar sulungnya bermula pada tahun 1978 dengan pengambilan pelajar seramai 157 orang.

Kelima-lima MRSM adalah penggerak utama sistem pendidikan MRSM anjuran MARA untuk membantu pelajar-pelajar Bumiputera. Penubuhan MRSM terus

¹⁸ *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1994/1995* hlm. 7.

berkembang di setiap negeri di Malaysia pada tahun-tahun berikutnya, setelah kelima-lima maktab perantis menunjukkan kejayaan cemerlang dalam pencapaiannya.¹⁹ Sehingga Jun 1994, terdapat 19 buah MRSM di seluruh Malaysia. Jadual 15 menunjukkan lokasi MRSM di seluruh Malaysia.

Jadual 15
Lokasi MRSM Di Seluruh Malaysia
Sehingga 1994

| Nama | Lokasi | Tahun Pembinaan |
|-----------------------|--|-----------------|
| Kolej MARA Seremban | Jalan Aminuddin Bakri, 70100, Seremban,Negeri Sembilan | 1972 |
| Kolej MARA Kulim | Jalan Junjung, Kulim, Kedah | 1977 |
| Kolej MARA Banting | Jalan Labuhan Dagang,Bukit Changgang,Banting,Selangor | 1986 |
| MRSM Pengkalan Chepa | Pengkalan Chepa, Kota Bharu,Kelantan | 1973 |
| MRSM Kuantan | Jalan Tok Sira, Alor Akar,Kuantan,Pahang | 1974 |
| MRSM Kuala Terengganu | Wakaf Tengah,Kuala Terengganu,Terengganu | 1978 |
| MRSM Muar | Batu 61/2, Jalan Bakri, Muar,Johor | 1978 |
| MRSM Jasin | Jalan Simpang Kerayong,Jasin, Melaka | 1981 |
| MRSM Balik Pulau | Jalan Pondok Upah, Balik Pulau, Pulau Pinang | 1981 |
| MRSM Taiping | Jalan Bukit Larut,Taiping,Perak | 1982 |
| MRSM Terendak | Kem Terendak, Terendak,Melaka | 1983 |
| MRSM Beseri | Jalan Kaki Bukit, Kangar, Perlis | 1985 |
| MRSM Kuala Berang | Padang Setengga, Kuala Berang, Terengganu | 1986 |

¹⁹ Penubuhan MRSM juga disokong oleh Menteri Pelajaran, misalnya ketika Dr. Mahathir menjadi Menteri Pelajaran, beliau secara agresif menyokong penubuhan MRSM sebagai langkah membimbing Bumiputera di dalam menyahut cabaran pelajaran negara. Aziz Zariza Ahmad, *Dr. Mahathir Muhammad. Fasa Kedua*, Firma Malaysia Publishing, 1988, Kuala Lumpur, hlm. 26.

| | | |
|--------------------------------------|---|------|
| MRSM Kuala Kelewang | Jalan Titi, Kuala Kelewang, Negeri Sembilan | 1986 |
| MRSM Pasir Tumboh | Desa Darulnaim, PasirTumboh, Kelantan | 1986 |
| MRSM Polis Di Raja Malaysia(PDRM) | PDRM, Batalion Ke 3 PPH,Kulim, Kedah | 1993 |
| MRSM Sertimg | Bandar Baru Serting, Serting,Negeri Sembilan | 1993 |
| MRSM Grik | Mukim Kenering, Grik,Perak | 1993 |
| MRSM Kuching | Petra Jaya,Kuching, Sarawak | 1994 |

Sumber: Prospektus MRSM 1994


Kolej MARA Seremban (MRSM Seremban), Kolej MARA Kulim (MRSM Kulim), dan Kolej MARA Banting adalah kolej yang menempatkan pelajar-pelajar lepasan SPM yang mengikuti program matrikulasi, A-Level dan *International Baccalaureate*.

Struktur Pentadbiran MRSM

Struktur pentadbiran MRSM terbahagi kepada dua iaitu pentadbiran di peringkat Ibu Pejabat dan yang kedua di peringkat maktab. Rajah 4 menunjukkan struktur pentadbiran di peringkat Ibu Pejabat. Merujuk kepada Rajah 4, Bahagian Pelajaran Menengah diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh dua orang Pegawai Kanan iaitu Timbalan Pengarah Perkhidmatan dan Timbalan Pengarah Pengajian. Pengarah juga dibantu oleh Pegawai Kanan yang bertugas dalam urusan hal ehwal pelajar.

Rajah 4


Carta Organisasi Bahagian Pelajaran Menengah (1987)



Sumber: Unit Perhubungan Korporat MARA

Timbalan Pengarah Perkhidmatan pula menjalankan tugas bagi melicinkan sistem pentadbiran MRSM seperti mengurus urusan alatan/projek, urusan perkhidmatan guru dan kakitangan serta menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan Bahagian Pelajaran Menengah. Timbalan Pengarah Pengajian pula bertugas bagi melicinkan hal-hal yang berkaitan dengan urusan akademik. Di bawah Timbalan Pengarah Pengajian, terdapat pegawai pelajaran kanan yang mengatur sistem pembelajaran dan pengajaran di seluruh MRSM. Rajah 5 pula menunjukkan sistem pentadbiran dan pengurusan di peringkat maktab.

Rajah 5
Carta Organisasi MRSM (1987)



Sumber: Unit Perhubungan Korporat MARA

Di peringkat maktab, pentadbir tertinggi ialah Pengetua(A10). Di bawah Pengetua, terdapat seorang Penolong Pengetua(A11). Pengetua dan Penolong Pengetua dibantu oleh seorang Pegawai Tadbir yang bertugas dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran dan kewangan. Dari segi akademik, Ketua-ketua Jabatan Akademik dari berbagai bidang pengajian akan melaksanakan tugas-tugas akademik dengan dibantu oleh guru-guru MRSM. Secara amnya, pentadbiran dalam MRSM dapat dibahagikan kepada beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan untuk melicinkan perjalanan maktab. Antaranya adalah yang berikut:

Jawatankuasa Akademik

Jawatankuasa ini terdiri dari Pengetua dan guru kanan dari tiap-tiap subjek. Ia menentukan segala hal yang berkaitan dengan pelajaran pelajar. Jawatankuasa ini mengendalikan pembentukan jadual waktu, jadual kerja untuk subjek, kemudahan alatan dan rujukan, rancangan pemulihan untuk pelajar yang lemah, dan urusan mengenai penilaian dan peperiksaan pelajar.²⁰

Jawatankuasa Asrama

Jawatankuasa ini terdiri dari Pengetua, Warden dan kakitangan penting asrama. Antara tugas-tugasnya ialah menentukan keadaan tempat tinggal dan makanan pelajar

²⁰ *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1977/1978* hlm . 22.

adalah memuaskan. Di sampaing itu, ia juga menjaga keselamatan dan kesihatan pelajar-pelajar.

Jawatankuasa Disiplin

Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang guru kanan dan wakil pelajar. Tugasnya adalah menyelidik segala kes disiplin yang berlaku di kalangan pelajar. Jika pelajar berkenaan didapati bersalah, jawatankuasa ini akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu.²¹

Jawatankuasa *Homeroom*

Homeroom atau keluarga pelajar adalah satu sistem di mana tiap-tiap lima belas pelajar diletakkan di bawah jagaan guru penasihat. Perjumpaan *Homeroom* diadakan tiap-tiap minggu. Dalam pertemuan ini guru penasihat menyampaikan teguran dan tunjuk ajar kepada pelajar di bawah jagaannya. Jawatankuasa *Homeroom* mempunyai tugas menyusun beberapa rancangan tertentu untuk perjumpaan *Homeroom*.²²

Dengan adanya jawatankuasa-jawatankuasa di atas, maka dapatlah pihak maktab menyusun program untuk meningkatkan pencapaian pelajarnya dalam bidang akademik dan juga ko-kurikulum

²¹ *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1977/78*, hlm. 23.

²² *Ibid.*

Peraturan Masuk

Pelajar yang diterima masuk ke tingkatan satu di salah sebuah MRSM hendaklah mempunyai syarat-syarat serta telah melalui proses seperti berikut:²³

Kelayakan:

- a. Calon mestilah warganegara Malaysia yang terdiri dari pelajar darjah 6 di sekolah kerajaan atau setaraf dengannya.
- b. Calon mestilah memperolehi sekurang-kurangnya 5b dalam Peperiksaan Penilaian Darjah 5 yang dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- c. Calon yang memperolehi gred D dan E dalam Peperiksaan Penilaian Darjah 5 tidak akan dipertimbangkan.
- d. Kelayakan minima bagi calon dari negeri Sabah, Sarawak dan lain-lain warganegara Malaysia yang sedang belajar luar negeri akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa pemilihan.
- e. Syarat-syarat kelayakan dalam perenggan (b), (c) dan (d) adalah tertakluk kepada pindaan dari tahun ke tahun yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

Ujian

Calon yang mempunyai kelayakan minima seperti yang tersebut di atas diperlukan menduduki satu ujian bertulis yang dianjurkan oleh MARA sendiri dalam subjek-subjek seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Sains dan

²³ Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1977/78, hlm. 20.

Ujian Kecerdasan Akal. Calon yang berjaya dalam ujian di atas (di mana markah lulus ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan) diperlukan pula menghadiri satu temuduga.²⁴

Sistem Keutamaan Markah

Pemilihan akhir dibuat mengikut satu sistem keutamaan markah yang berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:-

- a. Keputusan ujian akademik.
- b. Kedudukan latarbelakang pemohon seperti pendapatan keluarga dan tanggungan penjaga.
- c. Temuduga.

Sistem ini adalah selaras dengan matlamat MARA memberi peluang kepada calon yang kurang berada terutama sekali pelajar-pelajar dari luar bandar.²⁵ Bagaimanapun di tahun-tahun 1980-an, sistem temuduga telah tidak dilaksanakan tetapi peperiksaan kemasukan dikenakan sehingga tahun 1985. Selepas tahun 1985, kemasukan ke MRSM berdasarkan keputusan peperiksaan semata-mata.

²⁴ *Ibid.* hlm. 21.

²⁵ Pelajar-pelajar yang berjaya dipilih masuk ke MRSM dikenakan bayaran yuran persekolahan seperti berikut:-

| | |
|--|-----------------|
| (a) Yuran persekolahan | : 30.00 sebulan |
| (b) Yuran 'Extramural' dan rekreasi | : 20.00 sebulan |
| (c) Wang saku(akan dikembalikan kepada pelajar bila perlu) | : 15.00 sebulan |
| (d) Wang hemat diri (akan dikembalikan selepas tamat persekolahan di MRSM) semasa menuntut di MRSM | : 20.00 (sekali |
| Jumlah | : 85.00 |

Bantuan kewangan akan diberikan kepada pelajar yang layak. Bantuan adalah bentuk pengeluaran bayaran yuran-yuran persekolahan dan bantuan wang saku, lihat *Prospektus Makaib Rendah Sains MARA 1977/78*, hlm. 21.

Kurikulum MRSM

Kurikulum MRSM boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Yang pertama yang berkaitan dengan pembelajaran di dalam bilik darjah dan yang kedua, yang berkaitan dengan pembelajaran di luar darjah. Pada permulaan MRSM, pelajar dibenarkan memakai pakaian bebas ke kelas tetapi selepas tahun 1979. MARA telah mengubah polisi dengan mewajibkan pakaian seragam kepada penuntutnya.²⁶

Dalam Darjah

Bahagian ini adalah mengenai akademik. MRSM sebagai institusi peringkat menengah adalah mengikuti sukanan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelajar-pelajar menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran di Tingkatan 3 dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia/*Malaysian Certificate of Education* di Tingkatan 5. Pada awalnya, MRSM tidak banyak memperkenalkan kursus tambahan untuk pelajar. Matapelajaran yang diajar hanyalah mengikut sukanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Antara pelajaran yang diajar dapat dirujuk dalam jadual 16.

²⁶ *Prospektus Maktab Rendah Sains MARA 1977/78*, hlm. 25., Mengikut Hj.Sulaiman Yusuf, bekas pegawai MARA negeri Kelantan (1974); “pada permulaan MRSM (lihat foto 3) semua pelajar tidak diwajibkan memakai pakaian seragam dan sebaliknya memakai pakaian biasa ke kelas. Tujuannya untuk mengajar pelajar bahawa kehidupan manusia adalah berbeza. Maksudnya yang kaya mendapat kemudahan yang lebih berbanding dengan yang kurang kemanuan. Apa yang penting ialah pelajar belajar pada guru yang sama, asrama yang sama, makanan yang sama dan mempunyai peluang yang sama. Apa yang penting ialah sesiapa yang kuat berusaha, dia akan berjaya. MARA cuba sedaya upaya menamamkan sifat berusaha kuat tangga kejayaan walaupun pelajar itu datang dari keluarga yang kurang berada. Bagaimanapun MARA terpaksa akur dengan desakan masyarakat supaya MRSM punyi pakaian seragam dan akhirnya pada tahun 1979 MRSM mewajibkan pelajar memakai pakaian seragam. Temubual dengan Hj.Sulaiman Yusof pada 11/Jun 2002. Kenyataan Hj.Yusuf Sulaiman disokong oleh bekas pelajar MRSM Pengkalan Chepa, Pn.Roselena Mansor. Mengikut beliau, beliau pernah memakai pakaian biasa ke kelas sebelum diperkenalkan pakaian seragam pada tahun 1979. Temubual dengan Pn.Roselena Mansor pada 14 Jun 2002.

Foto 3: Pelajar MRSM Di Bilik Makmal



Keterangan foto: Pelajar MRSM pada zaman awalnya bebas memakai pakaian ke kuliah, bagaimanapun selepas 1979, MARA melaksanakan pakaian seragam untuk semua penuntutnya.

Jadual 16

Matapelajaran Yang Diajar Di MRSM Pada Awal Penubuhannya

| Tingkatan 1-3 | Tingkatan 4-5 |
|--------------------|--------------------|
| Bahasa Malaysia | Bahasa Malaysia |
| Bahasa Inggeris | Bahasa Inggeris |
| Ugama | Ugama |
| Sejarah | Sejarah |
| Ilmu Alam | Ilmu Alam |
| Hisab Moden | Hisab Moden |
| Sains Panduan | Sains Panduan |
| Kreativiti | Fizik |
| Muzik | Kimia |
| Pendidikan Jasmani | Kajihayat |
| Sivik | Perdagangan |
| | Pendidikan Jasmani |
| | Sivik |

Sumber: Prospektus MRSM 1977/78, hlm. 25.

Setelah Kurikulum Lama Sekolah Menengah digantikan dengan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), maka terdapat beberapa perubahan kepada Kurikulum MRSM. Banyak kursus baru telah diperkenalkan oleh MARA sebagai kursus khas. Kursus Khas MRSM ialah Kursus Kemahiran Berfikir (KKB),²⁷ Sains Komputer,²⁸ Perkembangan Kerjaya, Senireka dan Keusahawanan. Kurikulum akademik MRSM pada tahun 1980-an dapat dilihat jadual 17.

²⁷ Pihak MARA telah menjemput Dr. Edward De Bono untuk memberi kursus kepada guru-guru MRSM pada tahun 1984 sebagai persediaan untuk menjaga Kursus Kemahiran Berfikir kepada pelajar-pelajar MRSM.

²⁸ MRSM ialah institusi pengajian menengah yang memperkenalkan mata pelajaran Sains Komputer sebagai salah satu mata pelajaran pilihan. Lihat, *Laporan Tahunan 1983*, hlm.12.

Jadual 17

Senarai Kursus Di MRSM

| Kursus | Sains Tulen | Sains Gunaan | Sains Pengurusan |
|-----------------------------------|--|--|---|
| Teras | Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sejarah Pendidikan Islam Pendidikan Jasmani | Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sejarah Pendidikan Islam Pendidikan Jasmani | Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sejarah Pendidikan Islam Pendidikan Jasmani Sains |
| Elektif | Matematik Tambahan Fizik Kimia Biologi | Matematik Tambahan Fizik Kimia Biologi Prinsip Akaun | Matematik Tambahan Pinsip Akaun Ekonomi Asas Geografi Pendidikan Seni |
| Kursus Khas (Untuk semua pelajar) | Kemahiran Berfikir Sains Komputer Perkembangan Kerjaya Kemahiran Belajar Keusahawanan | | |

Sumber: Prospektus MRSM 1994

Merujuk kepada jadual 16 dan jadual 17 terdapat perkembangan yang positif terhadap sistem pembelajaran di MRSM. Pada awal penubuhannya, sistem pembelajaran di MRSM tidak ada bezanya dengan sekolah biasa kerana menggunakan sukanan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah sistem pembelajaran di MRSM berjalan lancar di tahun-tahun 1980-an, maka pihak Pelajaran Menengah telah menambah berbagai kursus terutama kursus khas seperti Kursus Kemahiran Berfikir, Sains Komputer, Kursus Perkembangan Kerjaya, Kursus Kemahiran Belajar dan Kursus Keusahawanan. Tujuannya untuk menambah ilmu pengetahuan pelajar, sesuai dengan

matlamatnya untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan kesempurnaan sahsiah.

Guru-guru MRSM adalah guru-guru yang berkelayakan dan mempunyai kemampuan untuk mengajar dengan cara yang berkesan. Kaedah pengajaran adalah lebih memberatkan kepada pelajar-pelajar belajar sendiri dan guru-guru adalah sebagai penentu arah pembelajaran. Pelajar-pelajar adalah digalakkan berbincang dan menyoal di dalam bilik darjah.

Luar Darjah

Pembelajaran di luar darjah meliputi segala kegiatan yang berjalan di maktab. Kegiatan ini adalah perlu kerana ia membantu seseorang pelajar itu memperkembangkan kebolehannya, di samping membentuk sifat bertanggungjawab dan sifat kepimpinan. Untuk tujuan ini MRSM memberi peluang untuk pelajar-pelajarnya menubuhkan kumpulan kegiatan, asalkan ada kumpulan pelajar yang berminat dan mereka ini boleh mendapat seorang guru penasihat untuk mengawasi kegiatan mereka.

Kegiatan-kegiatan yang ada di MRSM boleh dibahagikan kepada empat kumpulan kegiatan iaitu:-

- a. Pergerakan Pakaian Seragam²⁹
- b. Kelab Akademik³⁰

²⁹ Pergerakan Pakaian Seragam di MRSM ialah Pergerakan Pengakap, Pandu Puteri, St. Johns Ambulan Brigade, Pancaragam Maktab dan Silat Gayung. Tujuan pergerakan ini ialah memperkembangkan kebolehan kepimpinan di kalangan pelajar, hlm. 25.

c. Kelab Kesenian/Kebudayaan³¹

d. Kelab Sukan

Perkembangan MRSM

Pada tahun 1972, seramai 150 pelajar memasuki MRSM yang pertama dibina di Seremban.³² Kemudiannya pada tahun 1973, jumlah pelajar telah meningkat kepada 510 orang apabila MRSM Kota Bharu mula beroperasi. Pada tahun 1973, jumlah pelajar MRSM Seremban seramai 360 orang; 150 orang pelajar tingkatan dua dan 210 pelajar tingkatan satu. Manakala MRSM Kota Bharu, jumlah penuntut pertamanya seramai 150 orang.³³

Jumlah pelajar seluruh MRSM Seremban, Kota Bharu dan Kuantan pada tahun 1974 seramai 881. Pada tahun 1974, MARA telah menempa sejarahnya apabila pelajar sulung MRSM Seremban seramai 150 orang menempa kejayaan 100% dalam peperiksaan LCE.³⁴ Keputusan ini menjadi pemangkin kepada MARA untuk membina MRSM seterusnya di seluruh negara.

³⁰ Kelab Akademik yang terdapat di MRSM ialah kelab-kelab yang didasarkan kepada subjek pengajian, misalnya Kelab Sejarah, Kelab Matematik, Kelab Fizik, Kelab Kimia, Kelab Biologi yang memberi peluang kepada pelajar menambah ilmu pengetahuan melalui kegiatan kelab-kelab akademik, *lihat Prospektus MRSM 1977/78*, hlm. 25.

³¹ Kelab Kesenian dan Kebudayaan ialah kelab seperti Kelab Tarian, kelab Drama dan Kelab Fotografi. Tujuannya untuk memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai minat yang sama bertemu dan menjalankan kegiatan yang boleh memperkembangkan lagi minat mereka di samping memperolehi pengetahuan baru, *lihat Prospektus MRSM 1977/78*, hlm. 27.

³² *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 7.

³³ *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 21.

³⁴ *Penyata Tahunan MARA 1974*, hlm. 21.

Pada tahun 1975, MRSM terus berkembang dan terkenal di seluruh negara. Walaupun begitu pengambilan pelajar adalah terhad. Oleh itu pada tahun 1975, seramai 377 pelajar baru diambil untuk belajar di 3 buah maktab yang sedia ada. Daripada 377 orang pelajar baru, 140 pelajar diterima masuk di MRSM Seremban, 128 pelajar diterima masuk di MRSM Kota Bharu dan seramai 109 pelajar untuk MRSM Kuantan. Dengan kemasukan pelajar baru ini, jumlah pelajar MRSM keseluruhannya pada tahun 1975 ialah 1,258 orang.³⁵ Pecahan mengikut maktab pula ialah 605 pelajar di MRSM Seremban, 402 pelajar di MRSM Kota Bharu dan 251 pelajar di MRSM Kuantan.

Pada tahun 1976, jumlah penuntut MRSM telah meningkat dari 1,258 pada tahun 1975 kepada 1,568 orang. Dari jumlah tersebut, 654 pelajar di MRSM Seremban, 548 orang di MRSM Kota Bharu dan 366 orang di MRSM Kuantan.³⁶ Pada tahun 1976 juga, MARA telah mencatat sejarah dalam aspek pendidikan apabila pelajar sulung MRSM Seremban telah mencatat kejayaan 100% dalam peperiksaan SPM/MCE 1976.³⁷ Dari jumlah 109 orang pelajar yang mendapat pangkat 1, 26 pelajar telah mendapat biasiswa mengikuti kursus matrikulasi di Australia, 13 pelajar telah dipilih mengikuti kursus Asasi Sains Universiti Malaya, 10 pelajar telah dipilih mengikuti kursus ijazah di Universiti Teknologi Malaysia, 4 pelajar mengikuti pengajian di Institusi Teknologi MARA, 44 pelajar mengikuti berbagai bidang pengajian di seberang laut dengan biasiswa MARA.

³⁵ *Laporan Tahunan MARA 1975*, hlm. 11.

³⁶ *Laporan Tahunan MARA 1976*, hlm. 12.

³⁷ *Laporan Tahunan MARA 1976*, hlm. 12.

JPA dan Kementerian Pelajaran. Bakinya mencari pekerjaan dan melanjutkan pelajaran secara bersendirian.³⁸

Pada tahun 1978, MARA telah menubuhkan MRSM di Kuala Terengganu dan seramai 157 orang pelajar mendaftar di MRSM tersebut.³⁹ Pada tahun 1978, seramai 612 orang pelajar telah ditawarkan memasuki tingkatan satu di MRSM. Daripada jumlah ini, 147 orang di Kota Bharu, 149 orang di Kuantan, 159 orang di Kulim, Kedah dan 157 di Kuala Terengganu. Di samping itu, buat pertama kalinya seramai 62 orang pelajar kelas matrikulasi telah memulakan pengajian mereka di MRSM Seremban. Sehingga akhir tahun 1978, bilangan pelajar di lima buah MRSM dari tingkatan satu hingga tingkatan lima dan matrikulasi 2,242 orang. Bilangan pelajar menengah MRSM dan program matrikulasi dapat dilihat dalam jadual 18. Di Seremban tidak ada pelajar mengikuti tingkatan satu kerana tiada pengambilan pelajar.⁴⁰ Namun begitu, seramai 148 tingkatan 2, 47 orang tingkatan 3, 145 orang tingkatan 4, 132 orang tingkatan 5 dan 62 orang matrikulasi. Manakala di Kota Bharu, seramai 147 orang pelajar tingkatan 1, 150 orang tingkatan 2, 146 orang tingkatan 3, 131 orang tingkatan 4 dan 142 orang tingkatan 5. Di Kuantan seramai 149 orang tingkatan 1, 50 orang tingkatan 2, 116 orang tingkatan 3, 122 orang tingkatan 4 dan 124 orang tingkatan 5. Bagi MRSM di Kulim seramai 159 orang tingkatan 1 dan 153 orang tingkatan 2 dan MRSM Kuala Terengganu hanya 157 orang tingkatan 1.

³⁸ *Laporan Tahunan MARA 1976*, hlm.12.

³⁹ *Laporan Tahunan MARA 1978*, hlm.14.

⁴⁰ MRSM tidak mengambil pelajar kerana pada tahun tersebut MRSM Seremban telah mengambil pelajar matrikulasi seramai 62 orang.

Jadual 18

Bilangan Pelajar MRSM Tahun 1978

| MRSM Tingkatan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | Matrikulasi | Jumlah |
|------------------|-----|-----|-----|-----|-----|-------------|--------|
| Seremban | - | 148 | 47 | 145 | 132 | 62 | 614 |
| Kota Bharu | 147 | 150 | 146 | 131 | 124 | - | 698 |
| Kuantan | 149 | 50 | 116 | 122 | 124 | - | 698 |
| Kulim | 159 | 133 | - | - | - | - | 312 |
| Kuala Terengganu | 157 | - | - | - | - | - | 157 |
| Jumlah | 612 | 501 | 309 | 398 | 360 | 62 | 2,242 |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1978, hlm. 14.

Pada tahun 1978 juga, seramai 128 orang pelajar lepasan MRSM Seremban dan Kota Bharu telah dipilih untuk mengikuti kursus matrikulasi di Australia dan G.C.E 'A' Level di United Kingdom.⁴¹ Di samping itu, MRSM telah berjaya mengekalkan kecemerlangan dalam peperiksaan SRP, SPM dan MCE. Ketiga-tiga MRSM iaitu MRSM Seremban, MRSM Kuantan dan MRSM Kota Bharu telah mencapai 100% dalam peperiksaan SRP pada tahun 1978. Dalam peperiksaan MCE, MRSM Seremban dan MRSM Kota Bharu telah mencapai kejayaan 100%, tetapi dalam peperiksaan SPM, seorang pelajar dari MRSM Seremban dan seorang dari MRSM Kota Bharu gagal dalam peperiksaan tersebut.⁴² Analisis keputusan peperiksaan SPM dan MCE MRSM Kota Bharu dan MRSM Seremban boleh dilihat dalam jadual 19.

⁴¹ Laporan Tahunan MARA 1975, hlm. 14.

⁴² Ibid, hlm. 14.

Jadual 19

Analisa Keputusan SPM/MCE MRSM Kota Bharu dan MRSM Seremban 1978

| Peperiksaan | MRSM Seremban | | MRSM Kota Bharu | | |
|-------------|---------------|-------------|-----------------|-------------|---------|
| | SPM | Bil.pelajar | Peratus | Bil.pelajar | Peratus |
| Gred 1 | 25 | 42.37 | | 27 | 51.92 |
| Gred 2 | 25 | 42.37 | | 18 | 34.62 |
| Gred 3 | 8 | 13.56 | | 6 | 11.54 |
| Gagal | 1 | 1.70 | | 1 | 1.92 |
| Jumlah | 59 | 100% | | 52 | 100% |
| MCE | | | | | |
| Gred 1 | 97 | 66.9 | | 68 | 70.8 |
| Gred 2 | 35 | 24.3 | | 22 | 22.9 |
| Gred 3 | 13 | 9.0 | | 6 | 6.3 |
| Gagal | - | - | | - | - |
| Jumlah | 145 | 100% | | 96 | 100% |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1978, hlm. 14.

Pada tahun 1979, MARA telah meningkatkan pengambilannya berbanding dengan tahun 1978 iaitu tambahan sebanyak 31.9%. Pada tahun 1978, pengambilan untuk kesemua MRSM ialah seramai 675 pelajar dan pada tahun 1979, jumlah pelajar yang diambil oleh MARA ialah 890 orang pelajar. Jumlah keseluruhan pelajar pada tahun 1979 ialah seramai 2763 pelajar.⁴³

Pada tahun 1981, MARA meneruskan usahanya dalam pendidikan di peringkat menengah dengan menubuhkan beberapa MRSM di seluruh negara. Antaranya ialah MRSM Jasin.⁴⁴ Pelajar sulung MRSM Jasin seramai 147 orang pelajar telah ditempatkan di MRSM Kuala Terengganu kerana bangunan MRSM Jasin dalam

⁴³ Laporan Tahunan MARA 1979, hlm. 9.

⁴⁴ Laporan Tahunan MARA 1981, hlm. 8.

pembinaan. Pada tahun 1981 juga, MARA telah mengambil seramai 1,189 pelajar baru di peringkat tingkatan satu. Dengan pengambilan ini, jumlah pelajar MRSM keseluruhannya ialah seramai 4,331. Jadual 20 menunjukkan kedudukan pelajar MRSM mengikut tempat pada tahun 1981.

Jadual 20

Kedudukan Pelajar MRSM Mengikut Tempat Pada Tahun 1981

| MRSM | Jumlah Pelajar |
|-----------------------|----------------|
| MRSM Seremban | 751 |
| MRSM Kota Bharu | 814 |
| MRSM Kuantan | 842 |
| MRSM Kulim | 779 |
| MRSM Kuala Terengganu | 702 |
| MRSM Muar | 296 |
| MRSM Jasin | 147 |
| Jumlah | 4,331 |

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1981, hlm. 9

Nota: Pelajar MRSM Jasin menumpang di MRSM Kuala Terengganu kerana bangunan MRSM Jasin dalam pembinaan

Dalam peperiksaan SRP/LCE 1981, kesemua 891 pelajar MRSM berjaya mencatat kejayaan cemerlang. Dalam peperiksaan SPM pula, pada tahun 1981, pelajar MRSM telah mencatat kejayaan 99.9% iaitu 380 pelajar mendapat pangkat satu, 103 pelajar mendapat pangkat dua dan 27 pelajar mendapat pangkat tiga.⁴⁵

Pengambilan pelajar pada tahun 1982 pula, seramai 1,145 orang. Berbanding tahun 1981, pengambilan pelajar tahun 1982 agak berkurangan sedikit. Bagaimanapun pencapaian peperiksaan agak membanggakan di mana pelajar MRSM

⁴⁵ Laporan Tahunan MARA 1981, hlm. 9.

yang mengambil SRP telah lulus 100%. Manakala bagi peperiksaan SPM pencapaian ialah 99.8%. Tahun 1982 ialah tahun bersejarah bagi MRSM kerana buat pertama kalinya pelajaran komputer diperkenalkan dalam kurikulum pendidikan MRSM. Dengan pengenalan ini, MRSM adalah institusi pendidikan menengah yang pertama memperkenalkan pendidikan komputer dalam sistem pembelajarannya. Jadual 21 menunjukkan kedudukan pelajar MRSM pada tahun 1982 mengikut maktab.

Jadual 21
Kedudukan Pelajar MRSM Mengikut Maktab Pada Tahun 1982

| MRSM | Jumlah Pelajar |
|-----------------------|----------------|
| MRSM Seremban | 849 |
| MRSM Kota Bharu | 790 |
| MRSM Kuantan | 841 |
| MRSM Kulim | 769 |
| MRSM Kuala Terengganu | 850 |
| MRSM Muar | 444 |
| MRSM Jasin | 144 |
| MRSM Taiping | 142 |
| MRSM Balik Pulau | 148 |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1982

Pada tahun 1982 juga, dua maktab baru telah dibuka oleh MARA. Dua maktab tersebut ialah MRSM Taiping dan MRSM Terendak.⁴⁶ MRSM Taiping menerima pelajar sulungnya seramai 142 pelajar pada tahun 1982 tetapi MRSM Terendak hanya dapat menerima pelajar sulungnya pada tahun 1983.

⁴⁶ Laporan Tahunan MARA 1982, hlm. 13.

Pada tahun 1983, buat ulung kalinya MARA memperkenalkan satu program melatih pelajar lepasan SPM di dalam negeri selama 2 tahun sebelum mereka melanjutkan ke luar negara. Langkah yang diambil oleh MARA adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjimatkan kos perbelanjaan serta mengurangkan masalah kejutan budaya yang dialami oleh pelajar-pelajar yang terlalu muda.⁴⁷ Latihan ini dijalankan secara intensif mengikut kehendak serta keperluan tempat pengajian pelajar kelak. Latihan matrikulasi untuk ke Australia, A.A.D untuk ke Amerika Syarikat dan 'A' Level untuk ke United Kingdom.

Program anjuran MARA ini ialah untuk pelajar-pelajar lepasan SPM yang cemerlang dan akan ditempatkan selama 2 tahun di Maktab Sains MARA (MSM) dan mereka ini akan menyambung pelajaran di tahun dua di tempat pengajian yang mereka pilih.⁴⁸ Ini bermakna MARA dapat menjimatkan kos membiayai pelajarnya selama dua tahun di luar negara di samping dapat mengelakan kejutan budaya di kalangan pelajar-pelajarnya.

Di samping menganjurkan program berkembar dengan universiti luar negara, MARA juga mengiatkan pengambilan pelajar untuk memasuki MRSIM. Oleh itu pada tahun 1984, buat pertama kalinya MARA membuka peluang kepada pelajar-pelajar dari sekolah kerajaan yang mencatat kejayaan cemerlang memasuki tingkatan empat dalam sistem pendidikan MRSIM.⁴⁹ Sehubungan dengan itu, seramai 150 pelajar telah diambil

⁴⁷ *Laporan Tahunan MARA 1983*, hlm. 11.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Laporan Tahunan MARA 1984*, hlm. 11.

memasuki MRSM di seluruh negara. Pengambilan pelajar tingkatan empat ini telah menjadi penceetus kepada perubahan amalan kemasukan pelajar. Keadaan ini berlaku kerana sebelum ini MARA hanya mendidik pelajarnya dari tingkatan satu lagi. Dengan pengambilan pelajar-pelajar cemerlang pada peringkat SRP, maka telah wujud dua konsep MRSM iaitu MRSM pada peringkat menengah dan MRSM pada peringkat menengah rendah (Mini MRSM). MRSM pada peringkat menengah akan mengambil pelajar tingkatan empat sahaja dan mini MRSM akan mengambil pelajar tingkatan satu. Pembahagian dua konsep pengambilan ini bermula pada tahun 1987, apabila MRSM Kerteh, Terengganu, MRSM Pasir Tumboh, Kelantan dan MRSM Kuala Kelewang, Negeri Sembilan ditubuhkan. Ketiga-tiga MRSM mini yang ditubuhkan ini mengambil pelajar tingkatan satu; dan MRSM sedia ada mengambil pelajar tingkatan 4. Perubahan pengambilan pelajar tingkatan empat ini kerana MARA ingin mempercepatkan proses pendidikan di peringkat menengah sebagai persediaan untuk peringkat pra-universiti dan pengajian di peringkat universiti.

Pencapaian akademik MRSM untuk tahun 1984 amat membanggakan. Kesemua 1,077 pelajar MRSM telah lulus peperiksaan SPM. Daripada jumlah ini, pelajar mendapat pangkat satu dan 146 (13.5%) pelajar mendapat pangkat dua. Keputusan SPM 1984 adalah keputusan yang terbaik setakat lima tahun lalu.⁵⁰

Pada tahun 1985, MARA telah mengambil seramai 2,286 pelajar baru untuk meneruskan pengajian di Tingkatan Satu, Tingkatan Dua, Tingkatan Empat dan program

⁵⁰ *Laporan Tahunan MARA 1984*, hlm. 12.

Matrikulasi di 11 buah MRSM sedia ada.⁵¹ Pengambilan pelajar pada tahun 1986 telah berkurangan berbanding dengan pengambilan tahun 1985. Jumlah pengambilan pelajar pada tahun 1986 ialah seramai 2,133 pelajar iaitu 1,068 untuk tingkatan satu, 423 untuk tingkatan empat, 378 untuk kelas matrikulasi dan 264 untuk kursus *General Certificate of Education* dan *Advanced Level*. Pencapaian akademik pelajar-pelajar MRSM ialah 99.9% dalam peperiksaan SRP dan 99.4% dalam peperiksaan SPM.⁵²

Jumlah pengambilan pelajar telah meningkat pada tahun 1988 apabila seramai 2,328 pelajar baru telah berjaya memasuki tingkatan satu, tingkatan empat, matrikulasi dan GCE 'A' Level. Jadual 22 menunjukkan pengambilan dan pelajar tamat pada tahun 1988 di bawah program Bahagian Pelajaran Menengah.

Jadual 22
Pengambilan Dan Pelajar Tamat Di MRSM Pada 1988

| Program | Pengambilan | Tamat |
|-------------|-------------|-------|
| MRSM | 1,672 | 2,148 |
| Matrikulasi | 666 | 758 |
| Jumlah | 2,328 | 2,906 |

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1988

Berdasarkan jadual 22, seramai 1,672 pelajar telah diterima masuk di bawah program MRSM dan seramai 666 pelajar di bawah program Matrikulasi dan 'A' Level. Pelajar program MRSM yang tamat pada tahun 1988 seramai 2,148, manakala seramai 758 di bawah program Matrikulasi. Pada tahun 1988 juga, pelajar sedia ada di bawah

⁵¹ *Ibid.*, hlm. 11.

⁵² *Ibid.*, hlm. 11.

program MRSRM ialah seramai 7,498 dan 1,151 pelajar di bawah program Matrikulasi 'A' Level.

Jadual 23 pula menunjukkan pengambilan pelajar oleh Bahagian Pelajaran Menengah pada tahun 1989 dan 1990.

Jadual 23
Pengambilan Pelajar MRSRM Pada Tahun 1989 dan 1990

| Program | 1989 | 1990 |
|-------------|-------|-------|
| MRSRM | 2,541 | 2,249 |
| Matrikulasi | 507 | 663 |
| 'A' Level | 258 | 144 |
| Jumlah | 3,346 | 3,056 |

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1989 Dan 1990

Merujuk kepada jadual 23, dua tahun berakhir pelancaran DEB, MARA telah menggiatkan pengambilan pelajar di peringkat menengah dan program matrikulasi. Pada tahun 1989, seramai 2,541 pelajar diambil untuk mengikuti program MRSRM; seramai 507 di bawah program matrikulasi dan seramai 258 di bawah program 'A' Level.⁵³ Jumlah pengambilan pada tahun 1990 adalah berkurangan berbanding dengan tahun 1989, misalnya seramai 2,249 pelajar diterima masuk di bawah program MRSRM sedangkan seramai 2,541 diterima masuk pada tahun 1989. Bagaimanapun pengambilan di peringkat matrikulasi telah meningkat kepada 663 pada tahun 1990 berbanding 507 pada tahun 1989. Jumlah pengambilan pada peringkat 'A' Level pada tahun 1990 ialah

⁵³ *Laporan Tahunan MARA 1989*, hlm. 11.

seramai 144 pelajar iaitu berkurangan sebanyak 114 berbanding dengan pengambilan tahun 1989.⁵⁴

Kesimpulan

Pemilihan pelajar ke MRSM ini dimulakan dengan pengambilan pelajar tingkatan satu dan kemudiannya dasar ini diubah kepada pengambilan tingkatan empat dengan tujuan mempercepatkan keluaran lepasan SPM dengan bilangan yang ramai. Keutamaan diberi kepada pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah dari luar Bandar. MRSM ketika ini merupakan sekolah berasrama penuh yang unggul di Malaysia. Justeru itu MRSM menjadi rebutan ibubapa untuk mendapatkan tempat bagi anaknya.⁵⁵

Bagi menampung pelajar lepasan MRSM, MARA menganjurkan pusat matrikulasi. Pusat matrikulasi yang pertama ialah Pusat Matrikulasi Universiti Kebangsaan Malaysia yang diperkenalkan di Kolej MARA Seremban pada tahun 1979 dengan pengambilan pelajar seramai 68 orang. Manakala Matrikulasi Universiti Sains Malaysia ditubuhkan pada tahun 1983 dengan bilangan pelajar seramai 71 orang. Dan pada tahun 1985, Pusat Matrikulasi Universiti Utara Malaysia diwujudkan Di Kolej MARA Kulim dengan pengambilan pelajar seramai 125 orang. Kemudian pada tahun

⁵⁴ *Laporan Tahunan MARA 1990*, hlm. 12.

⁵⁵ Kejayaan MRSM secara berterusan kerana sistem pembelajaran dan pengajaran di MRSM sentiasa dipelbagaikan. Pada permulaan MRSM pada tahun 1972, MRSM menggunakan "Open System Class". Homeroom dan Badan Wakil pelajar di perkenalkan. Untuk meningkatkan lagi pencapaian , maka pada tahun 1984 Program Lateral Thinking dilancarkan dan diikuti Sistem Penilaian Purata Markah Keseluruhan (PMK) pada tahun 1986 yang dikenali sebagai Purata Nilai Gred (PNG) kemudiannya.

berikutnya program universiti ini terus berkembang dengan wujudnya program Matrikulasi Universiti Pertanian Malaysia.

Bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, MARA menyediakan beberapa program seperti Program GCE ‘A’ Level,⁵⁶ Program International Baccalaureate (IB)⁵⁷ dan Program American Associate Degree (ADD).⁵⁸ Selain daripada program-program anjuran MARA, pelajar-pelajar lepasan MRSRM juga bebas memilih kursus yang mereka minati samada di peringkat Matrikulasi, Diploma atau Ijazah anjuran universiti tempatan atau badan-badan lain yang berkaitan.

Sistem MRSRM memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan di Malaysia. MRSRM telah mendahului institusi-institusi pendidikan yang lain dalam mengaplikasikan berbagai-bagai program pendidikan antaranya pelajaran komputer, pelajaran kemahiran berfikir dan pendidikan keusahawanan.⁵⁹

⁵⁶ Program ini dijalankan di Kolej MARA Banting, mengambil masa empat semester (2 tahun) dan diadakan sebagai persediaan kepada calon-calon yang akan melanjutkan pengajian ke United Kingdom.

⁵⁷ Program IB dijalankan di Kolej MARA Banting, mengambil masa selama 2 tahun akademik dan bertujuan untuk memberi persediaan kepada calon-calon yang akan melanjutkan pengajian ke negara-negara Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

⁵⁸ Program ADD ini dijalankan di Maktab Sains Kuantan dalam tempoh dua tahun akademik yang dibahagikan kepada 4 semester. Setelah berjaya, calon-calon akan berpeluang melanjutkan pengajian mereka ke Amerika Syarikat.

⁵⁹ Kurikulum akademik yang dianjurkan oleh MRSRM berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kementerian Pendidikan dan juga kurikulum yang dibentuk khas oleh MARA. Kurikulum yang dibentuk khas inilah membezakan sistem MRSRM dengan sistem pengajaran dan pengajaran di bawah kawalan Kementerian Pendidikan. Kurikulum Khas MRSRM ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu matapelajaran yang dimasukkan dalam jadual waktu iaitu seperti subjek Sains Komputer, Keusahawanan, Senireka, Perkembangan Kerja/Kemahiran Komunikasi, kemahiran Berfikir dan kemahiran amalan belajar. Kurikulum khas yang kedua pula ialah program penghayatan akademik, program ini dianjurkan di luar kelas akademik bertujuan mengukuhkan lagi kesahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari di samping memberi peluang pelajar menggunakan daya kreativiti mereka dalam mengaplikasikan ilmu-ilmu yang dipelajari. Kurikulum khas yang ketiga ialah kurikulum perkembangan sahsiah yang menekankan program-program pembangunan diri, aktiviti keusahawanan dan juga kegiatan ko-kurikulum.

Selain inovasi baru di atas, pihak MARA telah menganjurkan strategi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di semua MRSMP dengan tujuan untuk meningkatkan pencapaian para pelajar. Selari dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan sekolah bestari, MRSMP juga mempunyai satu sistem pendidikan ke arah itu dan dikenali sebagai MRSMP BITARA. Secara umum, bermula dari tahun awal penubuhannya dalam bentuk satu kontinun seperti dalam jadual 24.

Jadual 24
Perkembangan Sistem Pendidikan MRSMP

| | |
|------|-------------------------------------|
| 1972 | MRSMP Sedia Ada |
| 1990 | Program Khas Pendidikan (MRSMP PKP) |
| 1999 | MRSMP BITARA (PKP+IT) |

Sumber: MARA:Program Pendidikan MARA, Unit Korporat MARA

Merujuk kepada jadual 24, sistem pendidikan di MRSMP juga berkembang selaras dengan perkembangan pendidikan negara. Semasa DEB mula dilancarkan, MRSMP berperanan untuk memberi peluang pendidikan yang terbaik kepada anak-anak Bumiputera. Selepas itu, pada era 1980-an, MRSMP telah memperkenalkan Program Pendidikan Khas (PPK). Tujuan PPK ialah untuk mencapai 100% Gred Satu dalam peperiksaan SPM. Apabila negara menuju ke alam global, maka sistem pendidikan MRSMP juga turut berubah dengan memperkenalkan MRSMP BITARA iaitu campuran program pendidikan khas dengan teknologi maklumat.